

Ikan baung laris setiap kali musim tengkujuh

UM 19/12/23 MIS 29

DUNGUN: Musim tengkujuh memberi limpahan rezeki kepada seorang peniaga ikan sungai apabila lebih 120 kilogram ikan baung yang dijualnya di Kampung Che Lijah, di sini, 'licin' dibeli orang ramai hanya dalam tempoh satu jam.

Mohd. Zulkairie Abdul Rahman, 50, yang tinggal di Kampung Durian Mentangau, berkata, ikan baung sungai yang ditangkap menggunakan bubu dan pukat di Sungai Paka, mendapat permintaan tinggi setiap kali musim tengkujuh.

"Alhamdulillah, memang setiap kali musim tengkujuh ikan sungai yang saya tangkap laris dijual.

"Setiap hujung minggu, saya dapat menjual lebih 100 kilogram ikan sungai dan antara yang mendapat permintaan tinggi ialah ikan baung," ka-

tanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, di sini semalam.

Mohd. Zulkairie yang dibantu menantunya, Mohd. Sabri Kamaruddin, 30, berkata, dia menjual ikan baung dengan harga RM30 untuk satu kilogram.

"Kami hanya bermiaga tiga hari seminggu iaitu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Biasanya kami dapat RM300 hingga RM400 sehari," katanya.

Sementara itu, Mohd. Sabri berkata, selain ikan sungai, mereka turut menjual ikan patin dan tilapia yang ternak secara dalam sangkar.

"Ikan patin dan tilapia juga mendapat permintaan tinggi, namun tidak selaris ikan baung sungai."

"Ikan tilapia kami jual dengan harga RM16 untuk sekilogram manakala ikan patin pada harga RM15," katanya.



MOHD. ZULKAIRI ABDUL RAHMAN menjual ikan baung di gerainya di Kampung Che Lijah, Dungun, Terengganu, semalam.